Penilaian Pematuhan Malaysia Terhadap Prinsip bagi Infrastruktur Pasaran Kewangan

Infrastruktur pasaran kewangan merujuk kepada sistem pembayaran dan penyelesaian yang digunakan untuk menyelesaikan semua urus niaga pasaran kewangan. Pada bulan April 2012, Jawatankuasa Sistem Pembayaran dan Penyelesaian (Committee on Payment and Settlement Systems, CPSS) Bank for International Settlements (BIS) dan Jawatankuasa Teknikal Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (Technical Committee of the International Organization of Securities Commissions, IOSCO) mengeluarkan Prinsip bagi Infrastruktur Pasaran Kewangan (Principles for Financial Market Infrastructures, PFMI). PFMI menggantikan piawaian terdahulu yang dikeluarkan oleh BIS dan IOSCO, iaitu Prinsip Teras bagi Sistem Pembayaran yang Penting dari segi Sistemik, Saranan bagi Sistem Penyelesaian Sekuriti dan Saranan bagi Rakan Niaga Pusat. Piawaian tunggal ini menyeragamkan dan meningkatkan piawaian antarabangsa sedia ada bagi sistem pembayaran yang penting dari segi sistemik, depositori sekuriti pusat, sistem penyelesaian sekuriti dan rakan niaga pusat untuk memastikan pengurusan risiko adalah berkesan dengan mengambil iktibar daripada krisis kewangan global baru-baru ini. Sebagai sebahagian daripada Program Penilaian Sektor Kewangan yang dijalankan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF) dan Bank Dunia pada tahun 2012, Malaysia adalah antara negara pertama yang dinilai berdasarkan pematuhan terhadap PFMI baharu.

Rencana ini membentangkan ringkasan penilaian dan pemerhatian penting IMF berhubung pematuhan Malaysia terhadap PFMI. Penilaian terperinci IMF akan dipaparkan secara berasingan di laman sesawangnya.

Malaysia didapati telah 'mematuhi' kesemua 19 Prinsip yang terpakai bagi Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System, RENTAS) dan pengendalinya, Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Bhd. (MyClear) (Jadual 1). Selain itu, terdapat lima saranan yang digariskan buat pihak berkuasa yang bertanggungjawab terhadap pengawasan infrastruktur pasaran kewangan. Antaranya, Bank dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (sebagai pihak berkuasa yang bertanggungjawab terhadap infrastruktur pasaran kewangan yang dikendalikan oleh Bursa Malaysia Berhad) didapati telah 'mematuhi' atau 'mematuhi secara umum' kesemua lima tanggungjawab dalam penilaian secara bersama.

Pemerhatian utama daripada penilaian IMF ialah:

- **Aktiviti RENTAS disokong oleh asas perundangan teguh yang memberikan kepastian kepada kebolehkuatkuasaan hak dan obligasi pengendali RENTAS dengan kesan yang jelas dan boleh diramal.** Akta Bank Negara Malaysia 2009 memberi mandat kepada Bank untuk memiliki dan mengendalikan sistem pembayaran dan penyelesaian, sementara Akta Sistem Pembayaran (Payment Systems Act 2003, PSA) memberi Bank kuasa pengawasan dan mengiktiraf Bank sebagai pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk menggalakkan operasi sistem pembayaran dan penyelesaian kebangsaan yang diyakini, cekap dan lancar. Sementara itu, Akta Kontrak 1950 mengawal perjanjian penyertaan yang mengikat peserta kepada peraturan dan prosedur operasi RENTAS. Memandangkan RENTAS ialah sistem pembayaran yang ditetapkan di bawah PSA, MyClear dikehendaki mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam Kehendak dan Keperluan Pengawalseliaan Terhadap Sistem Pembayaran Ditetapkan yang dikeluarkan oleh Bank, termasuk keperluan bagi MyClear memastikan operasi sistem yang diyakini, cekap dan lancar.

- **Amalan pengurusan risiko kredit dan mudah tunai sedia ada, termasuk dasar dan prosedur untuk mengendalikan kemungkiran peserta, memberi keyakinan yang tinggi bahawa RENTAS berupaya untuk terus beroperasi dan memenuhi obligasi penyelesaian.** Peraturan dan prosedur dalam mengurus kegagalan atau ketakmampuan membayar oleh peserta telah ditakrif dengan jelas dalam Peraturan Penyertaan dan Operasi Perkhidmatan Pembayaran dan Sekuriti. Ini memudahkan tindakan yang tepat pada masanya

Jadual 1

Tahap Pematuhan Terhadap Prinsip bagi Infrastruktur Pasaran Kewangan dan Tanggungjawab Bank Pusat, Pengawal Selia Pasaran dan Pihak Berkuasa Berkenaan Lain bagi Infrastruktur Pasaran Kewangan

Prinsip untuk Infrastruktur Pasaran Kewangan	Tahap Pematuhan
1. Asas perundangan	O
2. Tadbir urus	O
3. Rangka kerja pengurusan risiko menyeluruh	O
4. Risiko kredit	O
5. Cagaran	O
6. Keuntungan	NA
7. Risiko mudah tunai	O
8. Penyelesaian muktamad	O
9. Penyelesaian wang	O
10. Penghantaran fizikal	NA
11. Depositori sekuriti pusat	O
12. Sistem penyelesaian pertukaran nilai	O
13. Peraturan dan prosedur kemungkiran peserta	O
14. Pengasingan dan kemudahalihan	NA
15. Risiko perniagaan am	O
16. Risiko kustodi dan pelaburan	O
17. Risiko operasi	O
18. Keperluan akses dan penyertaan	O
19. Pengaturan penyertaan bertingkat	NA
20. Pautan IPK	O
21. Kecekapan dan keberkesanan	O
22. Prosedur dan piawaian komunikasi	O
23. Peraturan penzahiran, prosedur penting dan data pasaran	O
24. Penzahiran data pasaran oleh repositori perdagangan	NA
Tanggungjawab Bank Pusat, Pengawal Selia Pasaran dan Pihak Berkuasa Berkenaan Lain untuk Infrastruktur Pasaran Kewangan (IPK)	**Tahap Pematuhan**
A. Pengawalan, penyeliaan dan pengawasan IPK	O
B. Kuasa dan sumber pengawalan, penyeliaan dan pengawasan	O
C. Penzahiran dasar berhubung dengan IPK	BO
D. Penerapan prinsip bagi IPK	O
E. Kerjasama dengan pihak berkuasa lain	BO

- **Mematuhi (Observed, O)** – Sebarang kekurangan dan kelemahan yang dikenal pasti bukanlah isu yang membimbangkan dan adalah kecil, boleh diurus, dan dalam bentuk yang boleh dikendalikan dalam urusan biasa.
- **Mematuhi secara umum (Broadly Observed, BO)** – Penilaian telah mengenal pasti satu atau lebih isu yang membimbangkan yang perlu ditangani dan diambil langkah susulan dalam masa yang ditetapkan.
- **Mematuhi sebahagiannya (Partly Observed, PO)** – Penilaian telah mengenal pasti satu atau lebih isu yang membimbangkan yang mungkin menjadi serius jika tidak ditangani dengan segera. Keutamaan tinggi hendaklah diberikan untuk menangani isu ini.
- **Tidak mematuhi (Not Observed, NO)** – Penilaian telah mengenal pasti satu atau lebih isu serius yang membimbangkan yang memerlukan tindakan serta-merta. Keutamaan tertinggi hendaklah diberikan untuk menangani isu ini.
- **Tidak berkenaan (Not Applicable, NA)** – Tidak berkenaan disebabkan ciri khusus perundangan, institusi, struktur atau ciri lain bagi infrastruktur pasaran kewangan.

untuk diambil oleh MyClear dan peserta untuk mengurangkan kemungkinan kerugian dan risiko penularan. RENTAS direka bentuk hanya untuk membenarkan penyelesaian urus niaga sekiranya dana atau sekuriti yang diperlukan tersedia dalam akaun masing-masing. Kemudahan Penyelesaian Pengoptimuman Mudah Tunai dan kemudahan kredit intrahari yang disediakan Bank menggalakkan pengurusan mudah tunai yang cekap oleh peserta.

- **Peraturan dan prosedur yang jelas dan menyeluruh disediakan untuk memuktamadkan penyelesaian dan mengurangkan risiko penyelesaian.** PSA memperuntukkan semua dana dan sekuriti yang diselesaikan dalam sistem pembayaran yang ditetapkan sebagai muktamad dan tidak boleh dimansuhkan, sementara prosedur operasi yang dikeluarkan oleh MyClear jelas mentakrifkan waktu sebenar bagi penyelesaian yang dianggap sebagai muktamad. Semua urus niaga ringgit dalam RENTAS diselesaikan dalam penyata kewangan Bank manakala urus niaga mata wang asing diselesaikan dalam penyata kewangan bank perdagangan. Penyelesaian mata wang asing ini dijalankan melalui pengaturan *Payment versus Payment* (PvP) yang diselia bersama-sama dengan pihak berkuasa pengawalseliaan asing atau melalui institusi perbankan dilantik yang dikawal selia oleh Bank.

- **Peraturan, prosedur dan kawalan yang sewajarnya disediakan untuk memastikan integriti urus niaga sekuriti dan mengurangkan risiko prinsipal sistem penyelesaian pertukaran nilai.** Sebagai depositori sekuriti pusat untuk sekuriti hutang awam dan swasta, MyClear memastikan hak penerbit dan pemegang sekuriti dilindungi secukupnya. Perlindungan ini meliputi pencegahan pembentukan atau penghapusan sekuriti tanpa kebenaran dan penyelarasan harian bagi sekuriti yang dikeluarkan. RENTAS menerima pakai proses PvP dan *Delivery versus Payment* (DvP) untuk penyelesaian pertukaran nilai apabila kedua-dua penyelesaian sekuriti dan mata wang asing dijalankan dengan mendebitkan dan mengkreditkan akaun masing-masing secara serentak, tertakluk kepada baki yang mencukupi untuk menjalankan urus niaga tersebut. Proses memuktamadkan disegerakan untuk kedua-dua bahagian urus niaga, lantas menghapuskan risiko prinsipal.

- **Kawalan yang berkesan disediakan untuk pengurusan risiko perniagaan am dan operasi.** Sebagai pengendali RENTAS, MyClear dikehendaki menyediakan kawalan untuk memantau dan mengurus prestasi kewangan serta kedudukan mudah tunainya secara berkesan untuk menangani sebarang risiko perniagaan. Infrastruktur sistem telah ditambah baik pada tahun 2011 untuk menyokong pengembangan perkhidmatan RENTAS pada masa hadapan. Sejak pelaksanaannya pada tahun 1999, RENTAS telah secara konsisten mencapai sekurang-kurangnya 99.9% paras ketersediaan sistem. Ujian tekanan ke atas keupayaan pemprosesan RENTAS dijalankan secara berkala untuk memastikan tiada sebarang kemerosotan dalam prestasi dengan bertambahnya jumlah urus niaga. Perancangan kesinambungan perniagaan untuk RENTAS adalah menyeluruh dengan dilengkapi oleh tiga tahap kemudahan sokongan selain ujian pelan kontingensi yang ketat dan kerap.

- **Operasi RENTAS adalah berpandukan dasar yang memastikan akses yang adil dan terbuka, kecekapan dan keberkesanan dalam memenuhi keperluan peserta dan pasaran yang menggunakannya, di samping ketelusan untuk memaklumkan keputusan yang bijak dan memupuk keyakinan.** Melalui amalan menyediakan akses yang adil dan terbuka, kriteria akses kepada RENTAS dan prosedur keluar yang teratur dinyatakan dengan jelas dalam Peraturan dan Prosedur Operasi yang dipaparkan di laman sesawang MyClear. RENTAS direka bentuk dan dikendalikan mengikut amalan terbaik dan piawaian antarabangsa. Perkhidmatan yang disediakan oleh RENTAS ditambah baik secara berterusan sejajar dengan perkembangan antarabangsa dan sebagai memenuhi keperluan peserta, pasaran kewangan dan ekonomi yang sentiasa berubah. Ini termasuk pengenalan perkhidmatan penyelesaian renminbi baru-baru ini dan jalinan hubungan dengan Depositori Sekuriti Pusat Antarabangsa (International Central Securities Depository, ICSD), Euroclear. Melangkah ke hadapan, RENTAS akan dipertingkat untuk menerima pakai piawaian mesej

Persatuan Telekomunikasi Antara Bank Sedunia (Society for Worldwide Interbank Financial Telecommunication, SWIFT) bagi meningkatkan kecekapan operasi untuk pesertanya dan sistem tersebut secara keseluruhan. Inisiatif ini dijangka disempurnakan pada tahun 2014. Mesyuarat rasmi dengan pihak berkepentingan yang berkaitan akan diadakan sebelum perubahan kepada peraturan sistem dilaksanakan. Maklumat semasa mengenai reka bentuk dan operasi RENTAS boleh didapati di laman sesawang MyClear.

Saranan Utama

Penilaian pematuhan telah membuat beberapa saranan untuk terus meningkatkan amalan pengurusan risiko MyClear. Ini akan memastikan RENTAS terus mencapai tahap pematuhan yang tinggi terhadap PFMI seiring dengan pembangunan pasaran kewangan. Saranan juga merangkumi cadangan untuk menambah baik penzahiran tentang dasar dan juga kerjasama dengan pihak berkuasa dalam menggalakkan keselamatan dan kecekapan infrastruktur pasaran kewangan.

Melangkah ke hadapan, rangka kerja pengawalseliaan yang mengawal operasi RENTAS akan diperkukuh di bawah FSA untuk memberi perlindungan eksplisit kepada cagaran yang disediakan oleh peserta untuk kemudahan kredit intrahari dan pengaturan pembelian semula. MyClear telah menyatakan komitmennya dalam usaha mempertingkat kekukuhan sistem pengurusan risikonya, termasuk memastikan kebolehalihan sekuriti pelanggan susulan penggabungan atau pengambilalihan, selain menangani risiko yang berkaitan dengan Euroclear apabila urus niaga meningkat pada masa akan datang. Untuk terus mengukuhkan prosedur pengurusan kemungkiran, ujian berkala yang melibatkan pesertanya sedang dirancang oleh MyClear. Rangka kerja penzahiran juga akan dipertingkat untuk memperdalam pemahaman dan pengurusan tentang risiko oleh peserta. Selain itu, usaha akan diteruskan untuk mengukuhkan kerjasama yang sedia ada dan pengaturan pertukaran maklumat antara Bank dengan penyelia dan pihak berkuasa lain termasuk Suruhanjaya Sekuriti.